

Industri jadi pemacu iktiraf kemahiran lulusan TVET

Beri latihan sewajarnya kepada pelatih supaya mudah ceburi sektor pekerjaan



AZRAN JAFFAR

azran@bh.com.my



ANWAR PATHO ROHMAN

wanawar@bh.com.my

Pengiktirafan yang belum meluas daripada kalangan industri selain ganjaran masih kecil dan tidak setimpal menyebabkan latihan teknikal dan vokasional (TVET) masih dianggap bukan satu cabang pendidikan menarik, walaupun kerajaan pada masa ini memberi penekanan besar terhadap bidang ini terutama dalam pelan pendidikan.

Tidak jelas terhadap peluang dalam bidang ini menyebabkan TVET belum mendapat perhatian dalam kalangan sebilangan besar pelajar. Kelebihan yang mampu diberikan bidang ini dilihat masih belum sampai ke semua lapisan masyarakat.

Ketua Pengarah, Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia, Datuk Dr Pang Chau Leong, berkata tanggapan inilah menyebabkan hanya 20 peratus pelajar berada dalam bidang ini berbanding negara maju yang mencecah 44 peratus. Melalui Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11), kerajaan bercadang meningkatkan penyertaan pelajar kepada 35 peratus.

TVET bidang diabaikan, dianaktirikan
Apa yang jelas katanya, TVET adalah bidang yang diabaikan dan dianaktirikan menyebabkan negara ini masih dalam kelompok rendah menghasilkan pekerja berkemahiran vokasional dan teknikal, dan 'jika kita tidak mempunyai kemahiran tinggi, bermakna kita belum boleh menjadi ekonomi yang berpendapatan tinggi'.

"Justeru, TVET harus mendapat sokongan terutama mentransformasi bidang ini di sekolah, walaupun bukanlah sesuatu yang mudah untuk menukar Sekolah Menengah Kebangsaan kepada institusi bercirikan vokasional dan teknik," katanya pada program *Bicara BH* bertajuk Kerjasama Awam - Swasta untuk Latihan dalam Bidang Vokasional dan Teknikal yang diadakan di Kuala Lumpur, kelmarin.

Melalui RMKe-11 juga, daripada 164,000 pelajar yang mengikuti pengajian dalam bidang itu pada masa ini, sasaran kerajaan adalah peningkatan kepada 225,000 pelajar pada tahun 2020 melalui tujuh kementerian dan 50 institusi yang mengadakan kemudahan itu dan ia adalah



peluang yang besar untuk pelajar yang tidak mendapat peluang melanjutkan pengajian mereka.

Ruang pelajar ikuti latihan

Apa pun kata Chau Leong, dalam memberikan peluang kepada pelajar mengikuti pengajian dalam bidang ini, apa yang perlu difikirkan adalah ruang untuk mendapat latihan pada peringkat industri kerana jika melihat kepada bidang berkaitan di Jerman, 70 peratus latihan diperoleh di tempat kerja, manakala selebihnya dalam bentuk teori.

"Sistem dua latihan ini memerlukan komitmen tinggi dalam kalangan industri dan sejauh mana mereka mampu menjadi rakan kongsi kepada usaha ini," katanya dan menambah bahawa, pada masa sama pelatih tidak boleh dianggap sebagai tenaga buruh murah disebabkan mereka cuba untuk mendapatkan latihan menyebabkan pihak industri tidak memberikan mereka latihan secukupnya untuk menjadikan mereka tenaga kerja berkemahiran.

Sehubungan itu katanya, industri



Bilangan pelajar memilih bidang TVET masih rendah. [GAMBAR HIASAN]

seharusnya menjadi pemacu dan peneraju kepada keberkesanan TVET kerana tidak dapat tidak, pendidikan kemahiran sudah menjadi landskap pendidikan negara.

Majikan perlukan pekerja berpengalaman

Daripada apa dipertanyakan, keadaan ini adalah seperti ayam dan telur - mana yang datang dahulu, kerana di satu pihak, majikan memerlukan pekerja berpengalaman, manakala pekerja tidak akan mendapat pengalaman sekiranya mereka tidak diberikan ruang memperolehnya.

Justeru, pihak industri perlu memainkan peranan lebih besar dalam menjayakan aspirasi kerajaan dan bersedia memberikan latihan sewajarnya kepada pelatih supaya mereka dapat memasuki sektor pekerjaan dengan mudah sekali gus mendapat pengiktirafan.

"Industri seharusnya menjadi pemacu dan peneraju kepada keberkesanan TVET kerana tidak dapat tidak, pendidikan kemahiran sudah menjadi landskap pendidikan negara"

Dr Pang Chau Leong,
Ketua Pengarah, Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia



Industri perlu beri peluang lebih luas kepada pelajar mengikuti latihan industri. [GAMBAR HIASAN]



"FeMAC perlu diberi peranan, tanggungjawab dan amanah lebih luas oleh kerajaan untuk membantu melahirkan lebih ramai tenaga kerja berkemahiran tinggi"

Nordin Abdul Malek,
Penasihat Kehormat Persekutuan Pusat Bertauliah JPK Malaysia (FeMAC)



"Untuk menjadikan bidang ini mendapat perhatian dalam kalangan ibu bapa, kelayakan yang diberikan institusi berkaitan TVET kepada pelatihnya harus diiktiraf selayaknya"

Azizah Talib,
Ahli Ekonomi Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF)